Keh Yong Siang dan lain-lain lwn Oh Chi Yit dan satu lagi (Ng Chee Kien, pihak ketiga)

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN SIVIL NO 12B-273 TAHUN 2011
KAMARDIN HASHIM H
21 MAC 2012

Tort — Ganti rugi — Kemalangan jalanraya — Kuantum — Kos urutan oleh Sinseh Cina — Sama ada urutan disyorkan oleh pakar — Sama ada urutan mendatangkan kebaikan kepada perayu ketiga — Sama ada kos harus dibenarkan

Tort — Ganti rugi — Kemalangan jalanraya — Rayuan terhadap keputusan mahkamah sesyen — Isu kuantum — Kecederaan kepala yang serius — Award global RM150,000 — Sama ada jumlah yang diberikan adalah munasabah, tidak terlampau rendah — Sama ada mewajarkan campur tangan mahkamah

Tort — Ganti rugi — Kemalangan jalanraya — Rayuan terhadap keputusan mahkamah sesyen — Isu kuantum — Kos penjagaan — Sama ada perayu ketiga memerlukan pengawasan dan penjagaan sepanjang hidup

Perayu pertama dan perayu ketiga merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') terhadap pemberian award-award yang terlalu rendah yang tidak konsisten dengan *trend of reasonable comparable awards* atau *compendium of personal injury awards*. Perayu pertama berhujah untuk kecederaan serius di kepala, award yang diberikan oleh hakim bicara sejumlah RM155,000 adalah terlampau rendah. Seterusnya perayu pertama mengatakan bahawa HMS telah khilaf apabila gagal memberi award-award secara berasingan untuk kecederaan-kecederaan bagi *loss of consciousness, loss of marriage prospects, facial disfigurement* dan *liable temperament and embarrassment*. Manakala perayu ketiga telah mengalami kecederaan yang serius di kepala serta mengalami ilatan yang teruk. HMS telah membenarkan award RM150,000 secara global untuk kecederaan di kepala. Perayu ketiga berhujah, antara lain, bahawa hakim bicara telah gagal untuk menimbangkan ilatan-ilatan teruk yang dialami oleh perayu ketiga sebagaimana yang dinyatakan dalam laporan pakar. Seterusnya, perayu ketiga menyatakan bahawa HMS telah gagal memberikan award-award yang berasingan untuk kecederaan-kecederaan *hypoplasia of the left hand, loss of right upper incisor,*

A *post-tracheostomy scar over the supra-sternal notch, loss of consciousness, loss of marriage prospect* dan kos untuk urutan sebelum dan selepas perbicaraan.

Diputuskan, menolak rayuan perayu-perayu dengan kos:

B (1) Hakim bicara telah mengambil kira semua fakta yang relevan dalam membuat keputusan dan telah memberikan alasan mengapa beliau membuat keputusan yang diberikan. Oleh itu keputusan hakim bicara adalah berdasarkan kepada keterangan dan fakta yang kukuh yang berada di hadapan beliau. Hakim bicara berhak menerima keterangan dan C menolak sebahagian lagi keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi. Hakim bicara telah berpeluang untuk melihat dan mendengar saksi-saksi memberikan keterangan dan dengan demikian berupaya membuat penilaian terhadap kredibiliti setiap saksi (lihat perenggan 43).

D (2) Mengenai kuantum untuk ganti rugi am bagi kecederaan yang dialami di kepala perayu-perayu, hakim bicara telah membenarkan satu award secara global dan ini tidak bersalahan dengan nas-nas yang dirujuk dalam hujahan pihak responden-responden. Hakim bicara juga telah mengambil kira semua keilatan serta hilang upaya yang bakal ditanggung oleh perayu-perayu sebelum mengeluarkan award secara global. Dalam E membuat award secara global tersebut, hakim bicara telah mengambil kira semua item-item yang dirayu oleh perayu-perayu. Jumlah yang diberikan adalah munasabah, tidak terlampau rendah sehingga mewajarkan campur tangan oleh mahkamah ini (lihat perenggan 44).

F (3) Mengenai isu urutan untuk perayu ketiga, urutan oleh SP3 telah menyebabkan keadaan kesihatan perayu ketiga bertambah buruk jika dibandingkan dengan keadaan semasa perayu ketiga menerima rawatan fisioterapi di hospital. Tiada pakar yang mengesyorkan supaya perayu ketiga berurut pada Sinseh Cina. Tiada testimoni dapat menunjukkan G urutan akan membawa kebaikan kepada perayu ketiga. Sebaliknya keadaan beliau bertambah buruk selepas berurut. Hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila menolak tuntutan perayu ketiga untuk kos urutan dalam kes ini (lihat perenggan 45).

H **[English summary**

The first and third appellants appealed against the decision of the sessions court judge ('SCJ') in allowing an award which was very low and inconsistent with the trend of reasonable comparable awards or compendium of personal injury awards. The first appellant contended that for serious head injury, the award I given by the trial judge amounting to RM155,000 was extremely low. Further, the first appellant stated that the SCJ had erred in allowed the awards separately for the loss of consciousness, loss of marriage prospects, facial disfigurement and liable temperament and embarrassment. Whereas the third appellant had suffered serious head injuries as well as suffered from grievous invalidity. The

SCJ awarded a global amount of RM150,000 for the head injuries. The third appellant contended, inter alia, that the trial judge had failed to consider the grievous invalidities suffered by the third appellant as stated in the specialist's report. Further, the third appellant submitted that the SCJ had failed to award separately for the injuries of hypoplasia of the left hand, loss of right upper incisor, post-tracheostomy scar over the supra-sternal notch, loss of consciousness, loss of marriage prospect and the costs of massaging before and after the trial.

Held, dismissing the appellants' appeal with costs:

(1) The trial judge had considered all the relevant facts in coming to his decision and had given the reason why he came to such decision. Therefore, the trial judge's decision was based on strong evidence and facts before him. The trial judge was entitled to admit the evidence and reject part of the evidence tendered by the witnesses. The trial judge had the opportunity to see and hear the witnesses' testimonies and thus was capable of assessing the credibility of each witness (see para 43).

(2) With regards to the quantum of general damages for the appellants' head injuries, the trial judge had allowed a global award and this was not against the principles referred to in the respondents' submissions. The trial judge had also considered all the invalidity as well as disabilities that would be suffered by the appellants before awarding the global sum. In allowing the global sum, the trial judge had taken into account all the items pleaded by the appellants. The amount awarded was reasonable, not extremely low to warrant an interference by this court (see para 44).

(3) Pertaining to the issue of massaging for the third appellant, the massage carried out by SP3 had worsened the third appellant's condition compared to the condition when he was receiving physiotherapy treatment at the hospital. There was no specialist that had suggested that the third appellant go for a massage with a Chinese *Sinseh*. There was no testimony to shy that the massaging would be good for the third appellant. Instead, his condition worsened after massaging. The trial judge made a correct decision when dismissing the third appellant's claim for the costs of massaging in this case (see para 45).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalan raya lihat 12, *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 291–304.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Hamid v Ooi Teik Ean & Anor [1979] 1 MLJ 244 (dirujuk)

Abdullah bin Jusoh v King Hock a/p Wong Weng & Anor [2007] 1 PIR [68] 451 (dirujuk)

Chai Yee Chong v Lew Thai [2004] 2 MLJ 465, MR (dirujuk)
Chang Chong Foo & Anor v Shivanathan [1992] 2 MLJ 473, MA (dirujuk)
Cheong Heng Loong Goldsmiths (KL) Sdn Bhd v Chan Kim Swi (Capital Insurance Bhd, garnishee) [1997] 5 MLJ 191, MT (dirujuk)
Chua Lee Hun (f) v Rosli bin Mokmin [1999] Mallal Digest para 1233 (dirujuk)
Dass a/l Darmalingam v Mohd Fauzi b Mohd Salleh & Anor [2011] 1 PIR [45] 186 (dirujuk)
Dirkje Peiternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors [1990] 3 MLJ 103, MA (dirujuk)
Ervina bt Tatam & Anor v Othman bin Baba [2008] 1 PIR [34] 203 (dirujuk)
Hassan bin Sudin & Anor v Mohd Hailmi bin Othman & Anor (and Another Suit) [2010] 2 PIR [3] 6 (dirujuk)
Helwa Naimah bt Lup Pi & Anor v Sia Kee Yin & Anor [2008] 1 PIR [15] 95 (dirujuk)
Hsieh Su Chung, deceased) & Anor v Hashima bt Hasbul & Anor [2007] 1 PIR [14] 69 (dirujuk)
Isha bin Amat Ikram & Anor v Mohd Sezatulakmar bin Senin & Anor [2010] 1 PIR [2] 3 (dirujuk)
Ismail bin Najib v So Chai Ling & Anor [2010] 2 PIR [56] 295 (dirujuk)
Ismail bin Wan Hassan & 2 Ors v Look Fook Leong (K Ganesar a/l Kuppusamy – Third Party) [2010] 1 PIR [63] 343 (dirujuk)
Jamil bin Harun v Yang Kamsiah & Anor [1984] 1 MLJ 217, PC (dirujuk)
Jeffrey Anak Enggut & Anor v Lee Mon Seng & Anor (unreported) dan Tan Kim Chuan & Anor v Chandu Nair [1991] 2 MLJ 42, MA (dirujuk)
Kam Kok Beng v Chan Siew Kuan [1979] 1 MLJ xxxviii (dirujuk)
Khairul Sham bin Ahmad & Anor v Yesudass a/l Michaelsamy [2005] 2 MLJ 679, MT (dirujuk)
Lim Boon Neo v Arumugam a/l SA Renganathan & Anor [1990] 1 MLJ 325, PC (dirujuk)
Ludhiana Transport Syndicate & Anor v Chew Soo Lan & Anor [1979] 2 MLJ 207b, PC (dirujuk)
Manogharan a/l Veeramuthu & Anor v Fauziah bte Md Isa [2005] 5 MLJ 34; [2005] 3 CLJ 217, MT (dirujuk)
Mohamad Khirul Mizan bin Shafie & Anor v Yue Ah Kai [2002] 6 MLJ 471, MT (dirujuk)
Mohd Yattim Baharom lwn Kerajaan Malaysia dan satu lagi [2010] 8 MLJ 662; [2009] 1 LNS 1448, MT (dirujuk)
Mohd Azri bin Embong & Anor v Wakil-wakil Kediri Abdul Rasol bin Arifin, si mati (and another suit) [2008] 2 PIR [33] 168 (dirujuk)
Norashikin bt Baharim & Anor v Jamil b Taib & Anor [2010] 1 PIR [5] 17 (dirujuk)
Norazlan bin Abdul Rashid v Muhammad Fadzli b Khamis sebagai Pentadbir Harta Pusaka Lim Yap Hoon (si mati) [2010] 2 PIR [36] 172 (dirujuk)
Sin Hock Soon Transport Sdn Bhd & Anor v Low King Ban [2006] 3 MLJ 174; [2006] 5 CLJ 265, MT (dirujuk)

Tan Cheong Poh & Anor v Teoh Ah Keow [1995] 3 MLJ 89, MR (dirujuk)
Tan Kuan Yau v Suhindrimani [1985] 2 MLJ 22, MA (dirujuk)
Tarum Kumar v Ho Beng Neo [1992] Mallal Digest para 879 (dirujuk)
Tey Chan & Anor v South East Asia Insurance Bhd [1993] 3 MLJ 760, MT (dirujuk)
Yang Salbiah & Anor v Jamil bin Harun [1981] 1 MLJ 292, MP (dirujuk)
Zamri Md Som & Anor v Nurul Fitriyaton Idawiyah Nahrawi [2002] 1 CLJ 309, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 28A(10(a), (2)(c)(iii)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980

Punitha a/p Mariappan (Kala Lakshmi a/p Annamalai bersamanya) (Teo & Associates) bagi pihak perayu-perayu.
Sukhaimi Mashud (Teh Poh Teik & Co) bagi pihak responden/defendan-defendan.
Ong Chee Yong (Ong & Ong) bagi pihak responden pihak ketiga.

Kamardin Hashim H:

LATAR BELAKANG

[1] Ini adalah rayuan perayu pertama dan perayu ketiga terhadap keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen di Johor Bahru ('Tuan HMS') yang diberikan pada 6 Mei 2011. Rayuan perayu-perayu adalah hanya terhadap isu kuantum sahaja.

[2] Alasan rayuan perayu-perayu adalah bahawa Tuan HMS telah memberikan award-award yang terlalu rendah yang tidak konsisten dengan *trend of reasonable comparable awards* atau *compendium of personal injury awards*. Perayu-perayu memohon agar mahkamah ini mengganggu dan membetulkan kesilapan yang telah mengakibatkan *serious injustice* kepada perayu-perayu.

[3] Kuantum yang diberikan oleh Tuan HMS yang dirayukan oleh perayu pertama adalah seperti berikut:

(a) Ganti rugi am

(i) Severe head injury, total blindness in the left eye and 50% blindness in the right eye and depressed bone;	… RM150,000
(ii) Laceration upper lip, temporal area and frontal bone;	… RM5,000

(b) Kehilangan pendapatan

(i) kehilangan pendapatan penuh	… RM22,232
(ii) kehilangan partial pendapatan masa depan	… RM198,276

[4] Selain itu, perayu pertama turut merayu terhadap keputusan Tuan HMS dengan mengatakan bahawa Tuan HMS telah khilaf apabila gagal memberi award-award secara berasingan untuk kecederaan-kecederaan bagi *loss of consciousness, loss of marriage prospects, facial disfigurement* dan *liable temperament and embarassement*.

[5] Kuantum yang diberikan oleh Tuan HMS yang dirayukan oleh perayu ketiga pula adalah seperti berikut:

(a) Ganti rugi am
  (i) Severe Head Injury with residual disabilities … RM150,000
  (ii) Soft tissue injuries … RM4,000
  (iii) Tracheostomy scar … RM1,000

(b) Kos untuk penjagaan sebelum bicara … RM12,600

(c) Kos penjagaan lepas bicara … RM141,414

(d) Kehilangan pendapatan … di tolak

(e) Ganti rugi khas
  (i) Perbelanjaan perjalanan keluarga melawat Plaintif Ketiga di hospital … RM1,700
  (ii) Bil perubatan Hospital Gleneagles … RM9,979.40
  (iii) Bil perubatan Hospital Lam Wah Ee … RM1,228.28
  (iv) Bil perubatan lanjutan Hospital Gleneagles … RM8,302.28
  (v) Item 5-13 tidak dipertikaikan

[6] Selain itu perayu ketiga turut merayu terhadap keputusan Tuan HMS yang dikatakan bahawa Tuan HMS telah gagal memberikan award-award yang berasingan untuk kecederaan-kecederaan *hypoplasia of the left hand*, *loss of right upper incisor, post-tracheostomy scar over the supra-sternal notch, loss of consciousness, loss of marriage prospect* dan kos untuk urutan sebelum dan selepas perbicaraan.

HUJAHAN PERAYU PERTAMA

[7] Peguam bagi perayu pertama berhujah untuk kecederaan serius di kepala,

award yang diberikan oleh hakim bicara sejumlah RM155,000 adalah terlampau rendah dan berhujah jumlah RM300,000 untuk kecederaan ini. Peguam telah merujuk kepada kes-kes *Zamri Md Som & Anor v Nurul Fitriyaton Idawiyah Nahrawi* [2002] 1 CLJ 309, *Yang Salbiah & Anor v Jamil bin Harun* [1981] 1 MLJ 292, *Jamil bin Harun v Yang Kamsiah & Anor* [1984] 1 MLJ 217, *Mohd Yattim Baharom lwn Kerajaan Malaysia & Satu Lagi* [2010] 8 MLJ 662; [2009] 1 LNS 1448, *Norazlan bin Abdul Rashid v Muhammad Fadzli b Khamis sebagai Pentadbir Harta Pusaka Lim Yap Hoon (si mati)* [2010] 2 PIR [36] 172 dan *Hassan bin Sudin & Anor v Mohd Hailmi bin Othman & Anor (and Another Suit)* [2010] 2 PIR [3] 6.

[8] Peguam bagi perayu pertama seterusnya berhujah bahawa hakim bicara telah khilaf apabila gagal memberi award secara berasingan untuk item-item berikut:

(a) *loss of consciousness*, dihujahkan jumlah *RM5,000* berdasarkan kepada *compendium of personal injury awards* untuk item yang sama;

(b) *loss of marriage prospects*, dihujahkan *RM10,000* berdasarkan keputusan dalam kes *Chen Chian Sin v Zakaria bin Yusoff & Anor (unreported), Mohd Sabri bin Mohd Ali & Anor v Chia Zi How & 2 Ors (unreported)* dan *Chua Lee Hun (f) v Rosli bin Mokmin* [1999] Mallal Digest para 1233;

(c) *facial disfigurement*, dihujahkan jumlah *RM30,000* berdasarkan keputusan dalam kes *Kam Kok Beng v Chan Siew Kuan* [1979] 1 MLJ xxxviii; dan

(d) *labile temperament and embarrassment*, dihujahkan jumlah *RM6,000* untuk item ini berdasarkan kepada keputusan dalam kes *Tarum Kumar v Ho Beng Neo* [1992] Mallal Digest para 879.

[9] Mengenai kehilangan pendapatan perayu pertama, dihujahkan bahawa hakim bicara telah khilaf apabila memutuskan pendapatan bulanan perayu pertama hanya RM2,691 sebulan walaupun P1 dan P5 menunjukkan pendapatan bulanan perayu pertama adalah RM6,440 sebulan. Dihujahkan Tuan HMS telah khilaf apabila menolak P1 dan P5 sebagai bukti pendapatan bulanan perayu pertama oleh kerana pembuat dokumen tidak dipanggil. Tuan HMS dihujahkan oleh peguam telah khilaf apabila menerima keterangan saksi SD1, seorang *adjuster* yang menyatakan pendapatan bulanan perayu pertama sebagai RM2,691 sebulan berdasarkan keterangan dengar cakap yang tidak boleh diterima sebagai keterangan berdasarkan keputusan kes *Cheong Heng Loong Goldsmiths (KL) Sdn Bhd v Chan Kim Swi (Capital Insurance Bhd, Garnishee)* [1997] 5 MLJ 191.

[10] Peguam perayu pertama juga berhujah bahawa hakim bicara telah khilaf dalam menolak RM2,069 sebulan daripada pendapatan perayu pertama

untuk *living expenses*. Kesilapan hakim bicara tersebut dikatakan termasuk menolak untuk perbelanjaan bagi bayaran *auto pass*, perbelanjaan makan dan minum masa bekerja dan untuk petrol. Peguam berhujah auto pass yang dibayar oleh majikan, makan dan minum tidak boleh ditolak dari pendapatan bulanan perayu pertama. Tolakan hanyalah untuk petrol sejumlah RM156 sebulan. Oleh itu peguam berhujah kehilangan pendapatan perayu pertama untuk tiga tahun adalah RM6,440 - RM156 x 12 x 3 tahun berjumlah RM226,224.

[11] Bagi kehilangan sebahagian pendapatan masa akan datang, peguam berhujah hakim bicara telah khilaf apabila memutuskan bahawa perayu pertama wajib memitigasikan kerugiannya dengan membuat kerja selepas tiga tahun dan dengan itu telah mengurangkan *multiplicand* kepada RM1,271 sebulan sahaja untuk 13 tahun. *Multiplier* tetap selama 16 tahun tidak dipertikaikan dan *multiplier* bagi kehilangan sebahagian pendapatan masa akan datang selama 13 tahun juga tidak dipertikaikan. Peguam bersetuju bahawa perayu pertama boleh mendapatkan pekerjaan dengan pendapatan bulanan sebanyak RM900 sebulan. Perbelanjaan pengangkutan dipersetujui oleh peguam sebanyak RM260. Bagaimanapun peguam tidak bersetuju tolakan untuk makan minum berdasarkan kepada kes *Tey Chan & Anor v South East Asia Insurance Bhd* [1993] 3 MLJ 760. Oleh itu peguam berhujah kehilangan sebahagian pendapatan masa akan datang adalah RM6,440 – RM900 – RM260 x 12 x 13 tahun berjumlah *RM823,680*.

HUJAHAN PERAYU KETIGA

[12] Peguam bagi perayu ketiga berhujah bahawa perayu ketiga telah mengalami kecederaan yang serius di kepala serta mengalami ilatan yang teruk. Tuan HMS telah membenarkan award RM150,000 secara global untuk item ini adalah terlalu rendah. Peguam berhujah hakim bicara telah gagal untuk menimbangkan ilatan-ilatan teruk yang dialami oleh perayu ketiga sebagaimana yang dinyatakan dalam laporan pakar oleh Dato' Dr Abdul Samad Sakijan. Peguam berhujah satu jumlah sebanyak RM300,000 wajar untuk item kecederaan ini berdasarkan kes-kes *Chen Chian Sin, Chia Zi How & 2 Ors* dan *Ervina bt Tatam & Anor v Othman bin Baba* [2008] 1 PIR [34] 203.

[13] Peguam bagi perayu ketiga juga berhujah bahawa hakim bicara telah khilaf apabila gagal untuk membuat award-award yang berasingan untuk item-item kecederaan yang berikut:

(a) *hypoplasia of the left hand*, peguam berhujah *RM20,000* berdasarkan kepada *compendium of personal injury awards*;

(b) *loss of right upper incisor*, peguam berhujah *RM2,000*;

(c) *post-tracheostomy scar over the supra-sternal notch*, peguam berhujah *RM3,000*;

(d) *loss of consciousness*, peguam berhujah jumlah *RM5,000* berdasarkan kepada *compendium of personal injury awards*; dan

(e) *loss of marriage prospect*, peguam berhujah jumlah *RM10,000*.

[14] Bagi kehilangan pendapatan perayu ketiga, peguam yang bijaksana berhujah bahawa hakim bicara telah khilaf apabila memutuskan perayu ketiga tidak bekerja dan tidak mempunyai pendapatan pada masa kemalangan jalanraya tersebut berlaku. Peguam berhujah majikan (SP2) telah memberikan keterangan bahawa perayu ketiga telah bekerja dengan syarikat saksi selama enam bulan sehingga tarikh kemalangan. Saksi SP2 telah mengemukakan surat majikan (P7) dan slip-slip gaji (P8) sebagai bukti sokongan bahawa perayu ketiga bekerja dan mempunyai pendapatan RM45 sehari dan turut dibayar gaji lebih masa RM5.625 untuk setiap jam. Peguam berhujah keterangan majikan ('SP2') wajar diterima. Peguam merujuk kepada keputusan dalam kes *Mohamad Khirul Mizan bin Shafie & Anor v Yue Ah Kai* [2002] 6 MLJ 471.

[15] Peguam yang bijaksana berhujah hakim bicara telah membuat keputusan dan dapatan yang salah apabila menerima keterangan ibu kepada perayu ketiga yang mengatakan perayu ketiga bersekolah semasa dan sebelum kemalangan. Hakim bicara juga khilaf apabila menolak keterangan majikan (SP2) kerana terdapat banyak percanggahan dalam keterangan SP2 seperti dihujahkan oleh peguam-peguam bagi pihak responden-responden. Tuan HMS juga didakwa oleh peguam bagi perayu ketiga telah khilaf apabila menerima D18, salinan fotostat buku kehadiran dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Sacred Heart yang merupakan satu dokumen resmi kerajaan yang membuktikan perayu ketiga seorang pelajar sekolah.

[16] Peguam berhujah bahawa atas imbangan kebarangkalian, perayu ketiga telah membuktikan beliau bekerja dan mempunyai pendapatan semasa kemalangan berlaku. Oleh itu peguam berhujah kehilangan pendapatan harus dibenarkan sejumlah RM45 x 20 hari x 12 x 16 tahun berjumlah RM 172,800 bagi kehilangan gaji dan RM104 x 20 x 12 x 16 berjumlah RM66,560 untuk gaji lebih masa menjadikan jumlah keseluruhan kehilangan pendapatan sejumlah *RM239,360*. Peguam berhujah jumlah penuh hendaklah diberikan memandangkan tiada tolakan untuk *living expenses* kerana tidak dibuktikan *living expenses*.

[17] Secara altematif, peguam berhujah berdasarkan kepada soal-balas oleh peguam responden pihak ketiga yang menunjukkan bahawa perayu ketiga pernah bekerja maka perayu ketiga boleh diawardkan dengan *loss of earning capacity*. Oleh itu peguam berhujah secara altematif, perayu ketiga diawardkan

loss of earning capacity untuk jumlah RM1,170 x 12 x 16 tahun berjumlah *RM224,640*. Peguam perpegang kepada nas-nas *Dirkje Peiternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors* [1990] 3 MLJ 103, *Jeffrey Anak Enggut & Anor v Lee Mon Seng & Anor (unreported) dan Tan Kim Chuan & Anor v Chandu Nair* [1991] 2 MLJ 42. Peguam turut merujuk kepada buku 'Personal Injury Claims' oleh S Santhana Dass dan buku 'Handbook on Damages for Personal Injuries and Death in Singapore and Malaysia' oleh Michael F Rutter bagi menyokong hujahannya.

[18] Perayu ketiga juga merayu terhadap keputusan Tuan HMS mengenai kos penjagaan (*nursing care*). Untuk item ini, rayuan perayu ketiga adalah terhad terhadap multiplicand sahaja memandangkan *multiplier* yang diputuskan oleh hakim bicara selama 36.67 tahun disetujui. Peguam bagi perayu ketiga berhujah hakim bicara telah khilaf apabila memutuskan bahawa perayu ketiga tidak mengalami kelumpuhan badan dan sebaliknya memutuskan perayu ketiga hanya mengalami kelemahan di sebelah badan. Berdasarkan kepada dapatan tersebut, hakim bicara telah hanya membenarkan partial nursing care dan bukan *full nursing care*. Tuan HMS dikatakan telah gagal untuk menimbangkan pendapat yang diberikan oleh Dato' Dr C Bala dalam laporan pakar di ms 759–770 rekod rayuan yang mana doktor pakar tersebut menunjukkan plaintif ketiga mengalami lumpuh seluruh badan. Di samping itu peguam juga berhujah bahawa keadaan perayu ketiga memerlukan jagaan sepenuh masa. Walau apapun, sama ada *partial* atau *full nursing care*, kos amah sebulan adalah dalam lingkungan RM700. Selain itu hakim bicara juga dikatakan telah gagal untuk mengambil kira kos agensi pekerja asing (amah) serta perbelanjaan berkaitan termasuk kos penyaraan dan penginapan amah tersebut. Hakim bicara juga telah gagal mengambil kira kos-kos lain yang terpaksa ditanggung oleh perayu ketiga terutamanya kos kediaman, makan dan minum, kos elektrik dan air serta kos pengangkutan untuk rawatan di hospital.

[19] Peguam bagi perayu ketiga juga berhujah bahawa Tuan HMS telah gagal untuk menimbangkan fakta bahawa bapa kepada perayu ketiga telah berhenti menjadi nelayan untuk menjaga perayu ketiga sepenuh masa. Sebagai nelayan, bapa perayu ketiga mempunyai pendapatan sebanyak RM2,000 sebulan. Oleh itu peguam berhujah bahawa *multiplicand* yang patut diberikan kepada perayu ketiga untuk *full nursing care* adalah RM2,000 sebulan untuk selama 36.67 tahun yang berjumlah *RM880,080*. Peguam merujuk mahkamah ini kepada kes-kes *Manogharan a/l Veeramuthu & Anor v Fauziah bte Md Isa* [2005] 5 MLJ 34; [2005] 3 CLJ 217, *Dass a/l Darmalingam v Mohd Fauzi b Mohd Salleh & Anor* [2011] 1 PIR [45] 186 dan *Chia Zi How & 2 Ors*.

[20] Perayu ketiga turut merayu terhadap keputusan hakim bicara yang menolak tuntutan perayu ketiga untuk kos urutan oleh *Chinese* Sinseh.

Dihujahkan hakim bicara langsung gagal untuk menyebut isu berkaitan kos urutan dalam alasan penghakiman beliau. Peguam berhujah kos untuk urutan yang dipohon oleh perayu ketiga sebanyak RM600 sebulan untuk tempoh 34.67 tahun wajar dibenarkan berdasarkan kepada keterangan yang telah diberikan oleh saksi SP3. Jumlah yang dituntut oleh perayu ketiga untuk item ini adalah RM7,200 untuk satu tahun sebelum perbicaraan dan RM242,424 untuk selepas perbicaraan yang berjumlah keseluruhan *RM249,624*. Peguam berhujah jumlah ini lebih kecil daripada jumlah untuk rawatan fisioterapi di Gleneagles Medical Centre serta kos pengangkutan untuk rawatan tersebut, secara alternatif.

[21] Akhirnya, perayu ketiga merayu terhadap item-item ganti rugi khas. Peguam berhujah bahawa hakim bicara terkhilaf apabila membenarkan hanya 1/3 daripada kos-kos perubatan di Gleneagles Medical Centre dan Hospital Lam Wah Ee yang kesemuanya berjumlah *RM42,606.05*. Peguam berhujah walaupun keseluruhan jumlah tersebut telah dibayar oleh pihak insuras, perayu ketiga berhak untuk mendapat sepenuhnya jumlah tersebut. Peguam berpegang kepada s 28A(1)(a) Civil Law Act (Amendment) 1984 dan kepada kes *Sin Hock Soon Transport Sdn Bhd & Anor v Low King Ban* [2006] 3 MLJ 174; [2006] 5 CLJ 265.

HUJAHAN RESPONDEN — DEFENDAN PERTAMA DAN DEFENDAN KEDUA TERHADAP PERAYU PERTAMA

[22] Peguam bagi responden defendan pertama dan kedua berhujah bahawa hakim bicara telah membuat penelitian semua keterangan lisan saksi-saksi dan semua keterangan dokumentar sebelum membuat dapatan dan keputusan seperti di dalam alasan penghakiman hakim bicara tersebut. Keputusan hakim bicara dibuat setelah mendengar keterangan saksi-saksi serta setelah menimbang kredibiliti saksi-saksi semua pihak. Oleh itu hakim rayuan tidak harus mengganggu keputusan hakim bicara tersebut seperti yang telah diputuskan oleh Majlis Privy dalam kes *Ludhiana Transport Syndicate & Anor v Chew Soo Lan & Anor* [1979] 2 MLJ 207 dan *Lim Boon Neo v Arumugam a/l SA Renganathan & Anor* [1990] 1 MLJ 325.

[23] Peguam seterusnya berhujah bahawa alasan-alasan yang dikemukakan oleh peguam perayu pertama seperti dalam memorandum rayuan mereka tidak dapat dipertahankan langsung. Untuk ganti rugi am bagi kecederaan kepala serta kehilangan upaya yang ditanggung oleh perayu pertama tidak seserius seperti apa yang dihujahkan oleh peguam. Perayu pertama hanya mengalami kecederaan kepala serta buta mata kiri dan hilang 50% penglihatan mata kanan. Hakim bicara telah memberikan award sejumlah RM155,000 secara global seperti dibenarkan dalam kes *Tan Cheong Poh & Anor v Teoh Ah Keow* [1995] 3 MLJ 89 yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan.

[24] Semasa perbicaraan, plaintif pertama (SP7) telah dapat memberi keterangan di mana beliau telah dapat menjawab semua soalan dalam ketiga-tiga peringkat pemeriksaan yang dijalankan. Peguam telah merujuk nas-nas berikut dan berhujah award oleh Tuan HMS harus dikekalkan:

(a) *Ismail bin Najib v So Chai Ling & Anor* [2010] 2 PIR [56] 295 di mana untuk *cerebral concussion, cerebral oedema, fracture of left parietal bone and temporal bone and intracranial bleeding in the left bone, midline shift* diberikan RM21,000;

(b) *Mohd Azri bin Embong & Anor v Wakil-wakil Kediri Abdul Rasol bin Arifin, si mati (and another suit)* [2008] 2 PIR [33] 168 di mana untuk kecederaan *cerebral oedema, frontal lobe contusion, fracture right frontal bone extending to the roof of the orbit, laceration wound left eyebrow, multiple abrasions over face & limbs, post traumatic optic neuropathy, right frontal temporal extradural and subdural haemorrhage* diberikan RM100,000;

(c) *Helwa Naimah bt Lup Pi & Anor v Sia Kee Yin & Anor* [2008] 1 PIR [15] 95 di mana untuk kecederaan *severe head injury (right basal ganglia) resulting in disabilities useless upper limb, impaired recent and remote memory, impaired recognition of letters, numbers and expressive speech with usage of wrong words and inability to find words, impaired sense of balance, impaired understanding of verbal speech, inability to hold any job, needs help in daily and routine activities, inability to squat, left homonymous hemianopsis (inability to see objects to the left), weakness left lower limb, poor insight and reasoning, severely impaired skill in doing calculation* diberikan RM100,000;

(d) *Abdullah bin Jusoh v King Hock a/p Wong Weng & Anor* [2007] 1 PIR [68] 451 di mana untuk kecederaan *perorbital swelling and haematoma over right orbital area*, 95% *loss of vision of the right eye and cannot be corrected with glasses* diberikan RM60,000;

(e) *Ismail bin Wan Hassan & 2 Ors v Look Fook Leong (K Ganesar a/l Kuppusamy — Third Party)* [2010] 1 PIR [63] 343 untuk kecederaan *post traumatic globe rupture of both eyes*, 100% *loss of vision on both eyes* diberikan RM80,000;

(f) *Norashikin bt Baharim & Anor v Jamil b Taib & Anor* [2010] 1 PIR [5] 17 di mana untuk kecederaan 50% *loss of vision in the right eye* diberikan RM40,000;

(g) Wong Yin Kwan (*both in her personal capacity and as the administratix of the estate of Hsieh Su Chung, deceased) & Anor v Hashima bt Hasbul & Anor* [2007] 1 PIR [14] 69 di mana untuk kecederaan *injury to third and*

seventh cranial nerve, permanent injury to the right eye (50%) *of reduction of visual field, limitation of eye movement and double vision* diberikan RM30,000; dan

(h) *Isha bin Amat Ikram & Anor v Mohd Sezatulakmar bin Senin & Anor* [2010] 1 PIR [2] 3 di mana untuk kecederaan *optic disc nerve injury and mascular scarring and permanent loss of vision in the right eye* diberikan RM50,000.

[25] Mengenai kehilangan pendapatan dan kehilangan separa pendapatan perayu pertama, peguam responden berhujah hakim bicara tidak khilaf apabila memutuskan pendapatan perayu pertama adalah SGD1,170 sebulan setelah menerima keterangan yang telah diberikan oleh saksi SD1 bahawa gaji perayu pertama adalah SGD45 sehari. Hakim bicara menolak keterangan SP1 (wakil majikan) oleh kerana SP1 gagal mengemukakan sebarang dokumen bagi membuktikan pengataan SP1 bahawa pendapatan perayu pertama berjumlah SGD2,800 sebulan. Manakala saksi SP7 hanya memberikan keterangan berdasarkan kepada ingatan beliau sahaja. Keterangan SD1 telah dikemukakan hasil daripada penyiasatan yang telah dilakukan olehnya di pejabat tempat perayu pertama bekerja dan daripada maklumat-maklumat yang diperolehi daripada rakan sepejabat kepada perayu pertama.

[26] Peguam juga berhujah bahawa hakim bicara betul bila menolak keterangan SP1 yang kononnya sebagai wakil majikan perayu pertama, Deco-Base Enterprise Pte Ltd dari Singapura. Dihujahkan perayu pertama gagal membuktikan pendapatannya SGD2,800 sebulan berikutan keterangan SP1 dan surat majikan serta baucar bayaran gaji yang dikemukakan oleh SP1 meragukan dan ditolak oleh mahkamah. Dalam pemeriksaan utama, SP1 menyatakan beliau bertugas sebagai 'senior project manager', semasa mengangkat sumpah untuk memberi keterangan di mahkamah beliau menyatakan jawatannya sebagai 'tukang kayu' tetapi dalam *work permit* (P4) beliau dinyatakan jawatannya sebagai 'construction worker'. *Work permit* beliau hanya bermula pada 21 Februari 2008. Keterangan SP1 yang menyatakan gaji dibayar dua kali sebulan setiap 8hb dan 23hb bercanggah dengan baucar bayaran yang beliau kemukakan yang menunjukkan gaji dibayar pada 1hb. Semasa pemeriksaan utama SP1 menyatakan gaji dibayar melalui akaun Bank Simpanan Nasional tetapi dalam soal-balas beliau menyatakan gaji dibayar secara tunai dan juga melalui akaun bank. SP1 bersetuju bahawa pihak syarikat ada menyimpan rekod-rekod berkaitan dengan pembayaran gaji kepada perayu pertama tetapi beliau tidak membawanya ke mahkamah.

[27] Mengenai keterangan saksi SP7 iaitu perayu pertama sendiri, peguam berhujah bahawa keterangan perayu pertama mengesahkan pihak syarikat mempunyai rekod-rekod berkaitan bayaran gaji beliau dan beliau juga

mempunyai rekod dalam bentuk pass book dan borang IRBA yang boleh mengesahkan pendapatan beliau namun semuanya gagal dikemukakan. Oleh itu peguam berhujah kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen tersebut membolehkan anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh dipakai terhadap perayu pertama.

[28] Mengenai surat majikan bertarikh 5 Disember 2007, peguam berhujah ianya juga meragukan. Keterangan SP7 yang menyatakan dia nampak Loke Lai Peng menandatangani surat tersebut juga meragukan sedangkan pada masa itu SP7 dalam keadaan penglihatan mata yang buta sebelah mata kiri dan 50% hilang penglihatan mata kiri dan masih diwadkan ketika itu. Diragukan siapa sebenarnya yang telah menyediakan surat tersebut dan bilakah ianya telah disediakan.

[29] Peguam berhujah bahawa hakim bicara betul apabila menolak keterangan SP1, keterangan SP7, baucar bayaran bersama surat majikan berkaitan gaji perayu pertama atas alasan keterangan-keterangan lisan dan dokumentar yang dikemukakan adalah meragukan. Sebaliknya hakim bicara telah dengan betul menerima keterangan SD1 yang menjalankan siasatan mengenai gaji perayu pertama mendapati perayu pertama dibayar gaji SGD45 sehari. Malahan keterangan SD1 yang menyatakan SP1 sendiri menyatakan kepada beliau gaji perayu pertama sebagai SGD45 sebulan tidak dicabar.

[30] Mengenai tolakan untuk *living expenses*, peguam responden defendan pertama dan kedua berhujah bahawa keterangan SP7 mengenai *expenses* beliau untuk pergi balik bekerja dan semasa bekerja adalah jelas. Oleh itu tolakan RM2,069 dari pendapatan bulanan oleh hakim bicara adalah betul. Keputusan ini selaras dengan s 28A(2)(c)(iii) Akta Undang-Undang Sivil 1956. Peguam juga merujuk kepada keputusan dalam kes *Chang Chong Foo & Anor v Shivanathan* [1992] 2 MLJ 473. Peguam juga berhujah kehilangan pendapatan sebenar untuk tiga tahun dan kehilangan separa pendapatan yang diberikan oleh hakim bicara dalam kes ini adalah betul oleh kerana perayu pertama masih boleh bekerja untuk mendapatkan pendapatan.

[31] Peguam akhirnya berhujah bahawa tiada merit dalam rayuan perayu pertama dan memohon agar rayuan perayu pertama ditolak dengan kos dan keputusan hakim bicara atas kuantum dikekalkan.

HUJAHAN PEGUAM RESPONDEN-DEFENDAN PERTAMA DAN DEFENDAN KEDUA TEHADAP PERAYU KETIGA

[32] Peguam berhujah bahawa mengenai rayuan oleh perayu ketiga, beliau menerima pakai hujahan bertulis oleh peguam responden pihak ketiga dan memohon supaya rayuan perayu ketiga ditolak dengan kos.

[33] Peguam turut berhujah agar kadar faedah bagi ganti rugi am dan ganti rugi khas yang diberikan oleh hakim bicara dipinda selaras dengan pindaan kepada Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 yang mula berkuat kuasa mulai 1 Mac 2011 dan terpakai bagi kes ini.

HUJAHAN PEGUAM RESPONDEN PIHAK KETIGA TERHADAP PERAYU KETIGA

[34] Peguam bagi responden pihak ketiga berhujah bahawa rayuan perayu ketiga hanyalah terhadap isu kuantum. Oleh itu prinsip undang-undang mantap mengenai rayuan terhadap kuantum adalah terpakai seperti diputuskan oleh Mahkamah Agong dalam kes *Tan Kuan Yau v Suhindrimani* [1985] 2 MLJ 22. Dalam kes tersebut Mahkamah Agong telah memberikan panduan sama ada dalam sesuatu kes rayuan terhadap kuantum, keputusan hakim bicara wajar diganggu. Pada kebiasaannya mahkamah rayuan tidak harus mengubah kuantum yang diputuskan oleh hakim bicara kecuali jika sekiranya terdapat kekhilafan yang nyata berpunca daripada kegagalan hakim bicara dalam membuat pertimbangan terhadap fakta-fakta yang berkaitan atau telah mengambil kira fakta-fakta yang tidak relevan. Dalam keadaan sedemikian di mana hakim bicara telah bertindak atas prinsip undang-undang yang salah maka wajar keputusan hakim bicara tersebut diubah.

[35] Bagi gantir ugi am untuk kecederaan di kepala, hakim bicara telah membenarkan award secara global sebanyak RM150,000 bagi item (a) hingga (m) yang dituntut oleh perayu ketiga serta RM5,000 untuk *soft tissue injury* dan *tracheostomy scars* dihujahkan sebagai satu jumlah yang sangat munasabah. Keputusan hakim bicara tersebut dibuat selaras dengan keputusan dalam kes *Tan Cheong Poh & Anor*. Dihujahkan hakim bicara telah membuat pertimbangan fakta-fakta yang betul dan relevan dalam menentukan jumlah kuantum yang dibenarkan. Fakta-fakta yang telah diambilkira oleh hakim bicara adalah seperti terdapat dalam alasan penghakiman hakim bicara tersebut, iaitu:

(a) kecacatan otak yang dialami adalah sederhana (*mild*) dan melibatkan kawasan yang kecil (*small area*) sahaja berdasarkan kepada laporan pakar oleh Dato' Dr Abdul Samad Sakijan;

(b) GCS 8/15 tidak menunjukkan kecacatan otak sebab skala GCS digunakan untuk mentafsir 'level of consciousness' bukan untuk 'degree of brain damage';

(c) keadaan *head injury* perayu ketiga hanyalah mengakibatkan beliau dalam keadaan 'his speech is slow and slurred' tetapi keadaan beliau sekarang 'able to state his complaints and also able to communicate with the examiner and answer question appropriately';

(d) walaupun dikatakan perayu ketiga turut mengalami kekurangan pendengaran di telinga kiri tetapi tiada lapuron menyatakan apakah *degree* atau darjah kekurangan pendengaran yang dialami oleh perayu ketiga di telinga kiri beliau tersebut;

(e) walaupun perayu ketiga mengadu penglihatan di mata kirinya kabur namun tiada laporan perubatan mengesahkan dakwaan ini dan jika benar, tidak diketahui apakah darjah kecacatan penglihatan di mata kiri perayu ketiga tersebut; dan

(f) bagi *hemiplegia (weakness of limbs)*, jumlah yang disyorkan oleh compedium adalah antara RM40,000–RM65,000 sahaja.

[36] Mengenai isu kegagalan hakim bicara untuk memberikan award yang berasingan bagi *hypoplasia of the left hand, loss of upper incisor, loss of consciousness, epilepsy dan loss of marriage prospect* yang dihujahkan oleh peguam perayu ketiga, dihujahkan hujahan tersebut adalah tidak berasas. Untuk *epilepsy*, lapuron pakar terkini oleh Dato' Dr C Bala Ratnam bertarikh 19 Februari 2011 menyatakan bahawa 'it is most unlikely this patient will develop post-traumatic epilepsy'. Hakim bicara telah membenarkan satu award secara global merangkumi item-item berikut:

- item (g) epilepsy;
- item (i) hypoplasia of the left hand;
- item (j) loss of upper incisor;
- item (I) loss of consciousness; dan
- item (m) loss of marriage prospect.

[37] Mengenai isu sama ada perayu ketiga ada bekerja dan mempunyai pendapatan pada tarikh kemalangan, peguam responden menyangkal hujahan peguam perayu ketiga bahawa hakim bicara telah terkhilaf apabila memutuskan perayu ketiga gagal membuktikan beliau bekerja dan mempunyai pendapatan pada masa kemalangan. Hakim bicara telah memberikan alasan-alasan dalam menolak tuntutan kehilangan pendapatan oleh perayu ketiga dan dihujahkan dapatan oleh hakim bicara adalah betul dan tepat. Alasan-alasan yang telah diberikan oleh hakim bicara adalah seperti berikut:

(a) jelas daripada keterangan SP5 iaitu ibu kepada perayu ketiga bahawa perayu ketiga adalah bersekolah semasa/sebelum kemalangan berlaku;

(b) keterangan SP2 yang mendakwa bahawa perayu ketiga adalah pekerja beliau sebelum kemalangan adalah diragui memandangkan terdapat banyak percanggahan dalam keterangan SP2 seperti dihujahkan oleh peguam responden dalam hujahan bertulis mereka;

(c) walaupun SP2 mengakui wujud dokumen-dokumen seperti *punch card*, baucar yang ditandatangani oleh perayu ketiga dan baucar bayaran gaji untuk bulan-bulan Mei, Jun, Julai dan Ogos 2007 namun semua dokumen-dokumen tersebut gagal dikemukakan ke mahkamah dan anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 dipakai oleh hakim bicara terhadap perayu ketiga yang memihak kepada responden;

(d) tiga baucar yang dikemukakan ke mahkamah tidak mengandungi sebarang tandatangan di bahagian 'approval', 'cashier' dan 'receipt', oleh itu ianya tidak boleh diterima oleh hakim bicara; dan

(e) salinan fotostat buku kehadiran penuntut bagi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Sacred Heart (D18) yang merupakan suatu dokumen resmi kerajaan membuktikan fakta bahawa perayu ketiga adalah seorang pelajar sekolah pada tarikh sebelum dan semasa kemalangan berlaku.

[38] Mengenai isu 'nursing care', peguam berhujah hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila hanya membenarkan award untuk 'partial nursing care' kepada perayu ketiga. Hakim bicara tersebut telah memberikan alasan-alasan mengapa beliau hanya membenarkan 'partial nursing care' seperti di ms 58 rekod rayuan. Alasan-alasan yang diberikan oleh hakim bicara adalah seperti berikut:

(a) perayu ketiga tidak mengalami lumpuh seluruh badan tetapi hanya mengalami kelemahan di sebelah badan. Laporan pakar oleh Dato' Dr C Bala Ratnam mengesahkan fakta ini dan mengesyorkan bahawa perayu ketiga hanya memerlukan kepada 'partial nursing care'; dan

(b) kos untuk *partial nursing care* pada kadar RM350 sebulan sebagai munasabah setelah mengambilkira upah amah sepenuh masa pada kadar RM600–RM700 sebulan.

[39] Peguam berhujah jumlah *multiplicand* bagi kos penjagaan bukanlah gaji bapa sebanyak RM2,000 sebulan akibat terpaksa berhenti menjadi nelayan untuk menjaga perayu ketiga seperti dihujahkan oleh peguam perayu. Hujahan peguam perayu tidak berasas. Sekiranya bapa perayu ketiga seorang peguam berpendapatan RM10,000 sebulan maka adakah *multiplicand* untuk nursing care ialah RM10,000 sebulan. Begitu juga jika bapa perayu ketiga tidak bekerja maka beliau tidak mendapat apa-apa untuk kos penjagaan. Oleh itu dihujahkan kos penjagaan yang layak diberikan adalah nilai untuk perkhidmatan yang diberi kepada seseorang yang hanya memerlukan kepada *partial nursing care*.

[40] Peguam seterusnya berhujah bahawa *partial nursing care* sebanyak RM350 sebulan yang diberikan oleh hakim bicara dalam kes ini adalah munasabah dan berpatutan memandangkan keadaan perayu ketiga disahkan

oleh pakar semakin bertambah baik setelah keluar dari hospital dan menerima fisioterapi. Keadaan perayu ketiga merosot setelah menerima urutan oleh Sinseh Cina yang tidak berkelayakan. Perayu ketiga telah tersalah dalam membuat pilihan untuk pergi berurut dengan Sinseh Cina. Oleh itu taksiran ganti rugi patut didasarkan kepada kecacatan yang wujud sebelum perayu ketiga mendapat rawatan daripada Sinseh Cina dalam kes ini. Ini selaras dengan keputusan dalam kes *Abdul Hamid v Ooi Teik Ean & Anor* [1979] 1 MLJ 244.

[41] Mengenai isu-isu berkaitan bil-bil perubatan yang diberikan hanya 1/3 oleh hakim bicara, peguam berhujah bahawa walaupun segala kos perubatan telah dibayar oleh pihak insurans yang sepatutnya perayu ketiga tidak berhak untuk menuntut, namun responden tiada halangan untuk bayaran 1/3 diberikan oleh hakim bicara sesuai dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Chai Yee Chong v Lew Thai* [2004] 2 MLJ 465. Perayu ketiga telah gagal untuk membuktikan rawatan yang diberikan oleh hospital swasta tidak dapat diberikan di hospital-hospital kerajaan. Tambahan lagi kos perubatan yang telah dibayar oleh syarikat insurans membuktikan perayu ketiga tidak mengalami sebarang kerugian untuk item tersebut. Ini seperti diputuskan dalam kes *Khairul Sham bin Ahmad & Anor v Yesudass a/l Michaelsamy* [2005] 2 MLJ 679.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[42] Setelah meneliti rekod rayuan, membaca hujahan bertulis dan meneliti nas-nas yang difailkan oleh semua pihak dalam rayuan ini, saya bersetuju dengan hujahan oleh responden-responden bahawa tiada merit dalam rayuan perayu-perayu di sini. Mahkamah Rayuan tidak seharusnya mengusik keputusan hakim bicara dalam hal keadaan hakim bicara tidak membuat keputusan yang salah atau gagal mengambil kira semua fakta yang relevan atau telah khilaf dalam mengambil kira fakta yang tidak relevan semasa membuat keputusan. Oleh itu keputusan hakim bicara haruslah dikekalkan.

[43] Mahkamah ini mendapati hakim bicara telah mengambil kira semua fakta yang relevan dalam membuat keputusan dan telah memberikan alasan mengapa beliau membuat keputusan yang diberikan. Oleh itu keputusan hakim bicara berdasarkan kepada keterangan dan fakta yang kukuh yang berada di hadapan beliau. Hakim bicara berhak menerima keterangan dan menolak sebahagian lagi keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi. Hakim bicara telah berpeluang untuk melihat dan mendengar saksi-saksi memberikan keterangan dan dengan demkian berupaya membuat penilaian terhadap kredibiliti setiap saksi.

[44] Mengenai kuantum untuk ganti rugi am bagi kecederaan yang dialami

di kepala perayu-perayu, hakim bicara telah membenarkan satu award secara global dan ini tidak bersalahan dengan nas-nas yang dirujuk dalam hujahan pihak responden-responden. Hakim bicara juga telah mengambil kira semua keilatan serta hilang upaya yang bakal ditanggung oleh perayu-perayu sebelum mengeluarkan award secara global. Dalam membuat award secara global tersebut, hakim bicara telah mengambil kira semua item-item (g)–(m) yang dirayu oleh perayu-perayu yang mendakwa hakim bicara gagal membuat award yang berasingan. Pada pandangan mahkamah ini, award-award yang diberikan oleh hakim bicara tidak bersalahan dengan kecederaan dan kehilagan yang dialami oleh perayu-perayu. Jumlah yang diberikan adalah munasabah, tidak terlampau rendah sehingga mewajarkan campur tangan oleh mahkamah ini.

[45] Mengenai isu urutan untuk perayu ketiga, hakim bicara tidak membenarkan tuntutan tersebut tetapi tidak menyentuh item ini dalam alasan penghakiman beliau. Mahkamah ini telah meneliti perkara ini melalui rekod rayuan yang difailkan. Urutan oleh SP3 telah menyebabkan keadaan kesihatan perayu ketiga bertambah buruk jika dibandingkan dengan keadaan semasa perayu ketiga menerima rawatan fisioterapi dihospital. Tiada pakar yang mengesyorkan supaya perayu ketiga berurut pada Sinseh Cina. Tiada testimoni dapat menunjukkan urutan akan membawa kebaikan kepada perayu ketiga. Sebaliknya keadaan beliau bertambah buruk selepas berurut. Perayu ketiga menuntut kos urutan untuk sepanjang hayat beliau. Sesuatu yang tidak masuk akal. Adakah perayu ketiga akan diurut sepanjang hayatnya oleh SP3 tanpa mengambil kira apa-apa kontijensi. Tidak semestinya mahkamah harus membenarkan apa sahaja kos yang dituntut oleh perayu ketiga sekiranya kos itu tertimbul atas pilihan perayu ketiga sendiri tanpa disyorkan oleh pakar. Malahan urutan yang diterima oleh perayu ketiga langsung tidak mendatangkan kebaikan kepada perayu ketiga sendiri. Oleh itu mahkamah ini berpendapat hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila menolak tuntutan perayu ketiga untuk kos urutan dalam kes ini.

[46] Mengenai lain-lain rayuan oleh perayu-perayu, telah dijawab dalam hujahan balas oleh peguam responden-responden yang mahkamah ini bersetuju sepenuhnya. Hujahan dan rayuan perayu-perayu di sini adalah bermerit dan tidak wajar dibenarkan.

[47] Atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini menolak rayuan perayu-perayu dengan kos RM1,000 kepada responden defendan-defendan dan RM1,000 kepada responden pihak ketiga.

A *Rayuan perayu-perayu ditolak dengan kos.*

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed

B

C

D

E

F

G

H

I